

17/03/2003

Umat Islam perlu kuasai ilmu untuk hadapi cabaran

Dr Mohd Azam Rauzan

KITA baru menyambut Maal Hijrah 1424. Dengan berslogankan 'Bersama Menghayati Keindahan Islam' tentu sekali umat Islam serta seluruh rakyat negara ini tidak kira kaum dan agama bersama-sama dapat berkongsi nikmat serta keselesaan menjadi pemastautin kepada sebuah negara Islam bernama Malaysia.

Tanpa disedari, ini adalah rahmat hasil kepemimpinan yang menjurus kepada pentadbiran dinamik, cekap serta Islamik untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh dunia. Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan negara Islam berwibawa tidak dapat dinafikan lagi.

Peranan Malaysia dalam politik dunia Islam adalah pembabitan yang agak menonjol dan terserlah. Ia semakin berfungsi dalam diplomasi Kuala Lumpur, khususnya berikutan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam mengorak langkah kepada kebuntuan dominasi Amerika syarikat dalam orde baru dunia.

Segala perkembangan terkini, menempatkan Kuala Lumpur sebagai ejen pengorak langkah dalam memastikan Pertubuhan Persidangan Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) menjadi proaktif. Ini sejajar dengan potensi mereka sebagai organisasi besar dan bersifat mewakili kepentingan majoriti ummah Islam seluruh dunia dan selari dengan perkembangan semasa.

Hakikat ini bukan saja diakui pemimpin dunia lain, malah pembangkang dalam negara. Mereka mengakui kehebatan pemimpin tertinggi kerajaan menjalankan tanggungjawab itu.

Politik dunia memang tidak pernah reda daripada pergolakan yang timbul akibat kerenah dan tingkah laku negara anggota yang pelbagai.

Malaysia, yang lahir di tengah kelompok yang digolongkan sebagai Negara

Dunia Ketiga, kini semakin lantang menyuarakan pandangan berhubung perkembangan politik antarabangsa. Ini secara langsung menggambarkan keprihatinan kepemimpinan negara terhadap kemelut yang melanda negara yang tertindas akibat keangkuhan dan kerakusan kuasa besar dunia.

Namun, kalau kita hayati bersama, agak tidak keterlaluan nasib umat Islam baik dalam negara mahupun dunia sedang berada seperti "telur di hujung tanduk".

Usahlah kita sentuh nasib umat Islam di Iraq dan Palestin. Apa sudah jadi dengan perpaduan dan kesatuan umat Melayu Islam dalam mengharungi cabaran mendatang.

Hanya sebagai renungan bersama, marilah kita melihat sendiri di mana kedudukan umat Islam berbanding kepadatan penduduk dunia sekarang.

Seperti kita semua sedia maklum bahawa jumlah keseluruhan penduduk Islam ialah 1.5 bilion dan ada 56 negara Islam dalam OIC. Negara itu meliputi satu perempat kawasan dunia. Mereka ini juga negara pengeksport

minyak terbesar dunia iaitu sebanyak 44.5 peratus. Namun dengan statistik

yang memberangsangkan itu, umat Islam masih lagi seperti dijajah dan diperlekehkan oleh kuasa besar.

Agak malang juga untuk kita hayati bersama bahawa pembabitan negara Islam dalam kekuatan ekonomi global agak muram sekali. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) OIC hanya sebanyak 4.7 peratus KDNK dunia, eksport OIC

sebanyak 7.7 peratus eksport dunia dan import OIC sebanyak 7.43 peratus import dunia. Namun, jumlah keseluruhan perdagangan di negara OIC pada peringkat antarabangsa hanyalah sebanyak 10.9 peratus.

Mengapa ini boleh berlaku? Tentu sekali ini adalah persoalan pokok yang

harus menjadi renungan bersama setiap insan yang menggelarkan diri mereka

umat Islam dalam kita menghayati semangat hijrah.

Umat Islam pada masa ini mungkin kekurangan atau ketiadaan senjata penting iaitu ilmu bagi menghadapi cabaran dunia hari ini.

Dalam era dunia tanpa sempadan ini, ilmu adalah kuasa. Membudayakan ilmu

di kalangan umat Islam bererti membudayakan kuasa. Bangsa yang berjiwa besar adalah bangsa yang menghargai ilmu. Inilah yang ditekankan Dr Mahathir dalam perjuangannya untuk memartabatkan bangsa kita agar dihormati dan disegani oleh bangsa lain dunia.

Maruah dan kewibawaan bangsa terletak pada kekayaan ilmu anak bangsa. Khazanah intelek bangsa dalam serba bidang inilah yang merangsang kemajuan, pembangunan dan dinamisme bangsa untuk mencapai kegemilangan.

Agenda ilmu dan pembudayaannya adalah perkara besar yang wajar diberi tumpuan oleh umat Islam. Kepentingan ini dapat kita lihat dalam al-Quran berdasarkan firman Allah yang menjelaskan bahawa ilmu adalah syarat utama

bagi membolehkan manusia menjadi khalifah serta memikul amanah kekhalifahannya (Maksud ayat 30-31, surah al-Baqarah).

Imam al-Ghazali meletakkan satu bab khusus mengenai ilmu sebagai bab pertama dalam kitabnya "Ihya' Ulum al-Din". Inilah bukti betapa ulama silam begitu gigih bergelumang dengan ilmu, bukan saja dalam gerak laku peribadi mereka, malah dalam hasil penulisan yang melangkaui zaman hingga hari ini.

Apakah yang dimaksudkan dengan membudayakan ilmu? Budaya ilmu di antara

lain bermaksud kewujudan satu keadaan yang setiap lapisan masyarakatnya membabitkan diri baik secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan keilmuan. Dalam budaya ini, ilmu dianggap sebagai satu keutamaan tertinggi

dalam sistem nilai peribadi dan masyarakat di setiap peringkat.

Natijahnya, segenap peringkat masyarakat akan memberi keutamaan, bantuan, kemudahan dan pengiktirafan tinggi kepada individu atau institusi

yang membabitkan diri dalam mencari dan menyebarkan ilmu pengetahuan.

Justeru, masyarakat Islam yang berilmu pasti akan mempunyai senjata lengkap dalam menjadi juara dalam kekalutan yang dihadapi ketika ini.

Bersandarkan senario masyarakat Islam global, umat Islam secara keseluruhannya harus menguasai ilmu demi menjana penguasaan kekuatan

ekonomi untuk terus menjadikan Islam sebagai ummah peneraju dunia.

Saya ingin memetik sedikit ungkapan mengenai ilmu daripada buku Cabaran

Global - Ke Mana Melayu tulisan Yahya Ismail.

"Bangsa-bangsa yang bertamadun tidak akan menghormati bangsa kita sekiranya kita miskin ilmu, terlalu percaya pada tahyul dan karut-marut, hidup merempat di negara sendiri, mengemis simpati bantuan orang lain.

"Bangsa yang bertamadun adalah bangsa yang meletakkan ilmu di puncak ketinggian cita-cita bangsanya kerana kekayaan ilmu itulah yang menjana kekuatan intelek, ketinggian budi, kekuasaan sains dan teknologi moden dan

berjiwa dinamik serta kreatif.

"Dengan ilmu keyakinan diri menjadi teguh dan bersemangat untuk menghadapi apa saja cabaran."

DR MOHD AZAM RAUZAN,

Bandar Baru Uda,

Johor Bahru, Johor.